



PENGARANG, MEJA BERITA

UNTUK SIARAN SEGERA

KENYATAAN MEDIA

DAKWAAN SALAH LAKU IMIGRESEN: TINDAKAN TELAH DIAMBIL

27 April 2015 (Isnin) – Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan atau *Enforcement Agency Integrity Commission* (EAIC) ingin merujuk kepada artikel berita bertajuk *Anniversary to Forget* yang dilaporkan oleh The Malaysian Insider bertarikh 16 April 2015.

EAIC ingin menjelaskan beberapa fakta yang dinyatakan di dalam artikel berita tersebut berkaitan peranan dan tindakan yang telah diambil oleh EAIC berhubung dakwaan salah laku oleh anggota Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) terhadap David Velez Hernadez (pengadu) semasa penahanannya di lokap tahanan Imigresen, iaitu seperti berikut:

1. Tiada pegawai EAIC yang hadir semasa perbincangan antara pengadu dengan Ketua Pesuruhjaya, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).
2. Pengadu dan rakannya Chew Vee Lyn telah dirujuk oleh SPRM kepada EAIC pada 16 April 2014. Kedua-dua pengadu telah memfailkan aduan dan aduan tersebut telah didaftarkan.
3. Kenyataan kedua-dua pengadu telah direkodkan oleh Pegawai EAIC pada 16 April 2014.
4. Kertas Pengesyoran kedua-dua pengadu telah disediakan pada 18 September 2014.

5. Susulan itu pada 22 September 2014, Mesyuarat Jawatan Kuasa Aduan EAIC telah memutuskan agar satu siasatan penuh dijalankan ke atas JIM berdasarkan aduan yang dibuat oleh kedua-dua pengadu. Keputusan ini telah dimaklumkan kepada kedua-dua pengadu melalui surat bertarikh 22 September 2014.

6. Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Aduan EAIC telah dibincangkan dengan teliti semasa Mesyuarat Suruhanjaya yang diadakan pada 15 Disember 2014. Mesyuarat Suruhanjaya telah bersetuju dengan pengesyoran oleh Mesyuarat Jawatankuasa Aduan EAIC supaya satu siasatan penuh dijalankan ke atas aduan ini. Keputusan ini telah dimaklumkan kepada kedua-dua pengadu melalui surat bertarikh 31 Disember 2014.

EAIC kini dalam proses menjalankan siasatan ke atas aduan ini. EAIC sentiasa serius dalam mengendalikan setiap aduan yang dilaporkan memandangkan integriti adalah keutamaan kami.

-TAMAT-

"INTEGRITI DIJULANG NEGARA BERMARUAH"



KAMAL BAHARIN BIN OMAR

Setiausaha
Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan
27 April 2015